

# **MEMBANGUNKAN SOSIO-EKONOMI KOMUNITI MENERUSI KEUSAHAWANAN SOSIAL: PERANAN DAN PELUANG**

## ***DEVELOPING SOCIO-ECONOMICS OF THE COMMUNITIES VIA SOCIAL ENTREPRENEURSHIP: ROLES AND OPPORTUNITIES***

**Hariyaty Ab Wahid<sup>1</sup>**

Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia.  
(Email: hariyaty@fpe.upsi.edu.my)

**Rafiduraida Abdul Rahman<sup>2</sup>**

Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia.  
(Email: rafiduraida@upsi.edu.my)

**Noor Lela Ahmad<sup>3</sup>**

Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia.  
(Email: noor.lela@upsi.edu.my)

**Wan Salmuni Wan Mustaffa<sup>4</sup>**

Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia.  
(Email: wan.salmuni@upsi.edu.my)

**Suraini Mohd Rhouse<sup>5</sup>**

Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia.  
(Email: suraini@upsi.edu.my)

**Nek Kamal Yeop Yunus<sup>6</sup>**

Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia.  
(Email: nkamal@upsi.edu.my)

**Received date:** 07-05-2019

**Revised date:** 07-07-2019

**Accepted date:** 19-11-2019

**Published date:** 12-12-2019

**To cite this document:** Ab Wahid, H., Rahman, R. A., Ahmad, N. L., Mustaffa, W. S. W., Rhouse, S. M., & Yunus, N. K. Y. (2019). Membangunkan sosio-ekonomi komuniti menerusi keusahawanan sosial: Peranan dan peluang. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 2 (8), 13-26.

**DOI:** 10.35631/ijemp.28002

**Abstrak:** Konsep keusahawanan sosial semakin popular di seluruh dunia. Di Malaysia, keperluan terhadap keusahawanan sosial adalah berdasarkan kepada isu-isu berkaitan komuniti seperti pembangunan ekonomi, sosial, persekitaran dan pendidikan. Komuniti perlu terus diperkasa memandangkan komuniti merupakan kumpulan individu yang membentuk dan menjadi modal insan yang berharga untuk negara ini. Budaya komuniti yang sebahagiannya lebih cenderung menunggu serta bergantung kepada bantuan pihak kerajaan umumnya dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) khasnya perlu diubah. Dengan menghasilkan seramai mungkin usahawan sosial dalam komuniti dipercayai akan dapat meningkatkan status sosio-ekonomi komuniti tersebut sekaligus merangsang pembangunan negara dengan pantas. Oleh yang demikian, komuniti di negara ini perlu didedah dan dididik

dengan konsep, peranan serta peluang keusahawanan sosial untuk mereka menggerakkan pembangunan sosial serta ekonomi menerusi platform keusahawanan sosial. Kejayaan individu yang mempelopori pendekatan keusahawanan sosial dalam menyelesaikan masalah komuniti perlu diwar-war kepada umum khususnya kepada kumpulan dalam komuniti itu sendiri supaya boleh dijadikan contoh dalam melakar kejayaan aktiviti keusahawanan sosial dalam komuniti. Melalui pendekatan keusahawanan sosial ini, pemerkasaan sosio-ekonomi komuniti diharap dapat dizahirkan. Justeru, kertas kerja konsep ini bertujuan untuk menerangkan konsep dan pendekatan keusahawanan sosial terhadap pembangunan sosio-ekonomi komuniti dengan penekanan terhadap peranan serta peluang keusahawanan sosial.

**Kata Kunci:** Sosio-Ekonomi, Komuniti, Keusahawanan Sosial

*Abstract: The concept of social entrepreneurship is increasingly popular throughout the world. In Malaysia, the need for social entrepreneurship is based on community-related issues such as economic, social, environmental and educational development. Communities need to be strengthened as a group of individuals who make up and become valuable human capital for the country. Community cultures that are keen to wait and rely on the assistance of the government and the Department of Social Welfare (JKM) in particular need to be changed. By generating as many social entrepreneurs in the community, it is believed to be able to enhance the socio-economic status of the community as well as stimulate the country's development rapidly. Therefore, communities in this country need to be exposed and educated with the concept, role and opportunity of social entrepreneurship for them to move social and economic development through social entrepreneurship platform. The success of individuals pioneering the social entrepreneurial approach to solving community problems needs to be publicly disseminated, especially to groups within the community; to be an exemplar of the successful social entrepreneurship endeavour. Through this social entrepreneurial approach, community socio-economic empowerment is expected to be realized. Hence, this concept paper aims to explain the concepts and approaches of social entrepreneurship towards the socio-economic development of the community with the emphasis on social entrepreneurship roles and opportunities.*

**Keywords:** Socio-Economics, Community, Social Entrepreneurship

---

## Pengenalan

Komuniti atau masyarakat, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ialah sekumpulan individu yang tinggal dalam satu kawasan geografi yang sama melibatkan perhubungan dua hala sesama ahli, berkongsi budaya, norma dan nilai yang sama, dalam satu struktur sosial berdasarkan kepada hubungan yang telah dibina sekian lama (Kementerian Kesihatan Malaysia 2013). Pendapatan Per Kapita Sebenar, Pekali Gini dan Kadar Kemiskinan merupakan elemen dalam komponen Agihan dan Pendapatan yang merupakan salah satu komponen dalam Indeks Kualiti Hidup Malaysia yang perlu dicapai ke arah kelestarian sosio-ekonomi komuniti. Ketidaksejahteraan sosial akan memberi kesan ke atas pembangunan ekonomi sesebuah komuniti juga negara. Untuk tujuan itu, pembangunan ekonomi komuniti yang berfokus kepada kemakmuran yang dikecapi oleh golongan dalam komuniti dari sudut skala aktiviti ekonomi yang meningkat dan kewujudan peluang-peluang pekerjaan yang menyumbang kepada tahap guna tenaga penuh negara perlu dititikberatkan. Sekiranya tahap tersebut dapat dicapai, isu pengangguran dalam komuniti dipercaya dapat diminimumkan sekaligus membantu mengurangkan isu komuniti berpendapatan rendah.

Sebelum ini, selari dengan Matlamat Pembangunan Milenium untuk mengurang dan mengawal kadar kemiskinan serta kebuluran di mana Malaysia telah menetapkan beberapa sasaran dalam Rancangan Malaysia ke Sepuluh (2015-2015) yang antara lainnya bertujuan untuk meningkatkan pendapatan purata bagi 40 peratus golongan isirumah dalam komuniti, yang berpendapatan rendah pada kadar RM1400 pada tahun 2009 kepada RM2300 pada tahun 2015 (Siti Khadijah dan Roslan 2015). Usaha ini diteruskan menerusi Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) dengan fokus untuk meningkatkan Taraf Isi Rumah B40 Ke Arah Masyarakat Kelas Menengah dengan membangunkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial (*Social Enterprise*) (Jabatan Kebajikan Masyarakat 2017). Sehubungan dengan itu, golongan pengusaha atau usahawan dalam komuniti perlu berperanan membantu merealisasikan hasrat tersebut memandangkan mereka adalah agen aktif dalam ekonomi yang perlu secara berterusan membuat pembaharuan dan inovasi dalam sesuatu kegiatan ekonomi yang secara langsung atau tidak langsung akan turut memberi impak kepada peningkatan sosio-ekonomi komunitinya.

Selain menumpu kepada pembangunan ekonomi komuniti menerusi pendekatan keusahawanan; satu lagi cabang dalam keusahawanan iaitu keusahawanan sosial perlu diwar-war, diperkenal serta dibudayakan dalam kalangan warga komuniti (Norasmah et al. 2019). Melalui pendekatan keusahawanan sosial ini, pemerkasaan sosio-ekonomi komuniti diharap dapat dizahirkan ekoran budaya komuniti yang sebahagiannya lebih cenderung menunggu serta bergantung kepada bantuan pihak kerajaan umumnya dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) khasnya; dapat diubah. Komuniti boleh turut sama dilibatkan dalam aktiviti atau projek keusahawanan sosial yang dipimpin oleh innovator sosial yang berkecekapan. Namun, kegiatan keusahawanan sosial di Malaysia masih belum mendapat perhatian yang menyeluruh daripada kerajaan dan masyarakat secara umum. Rentetan itu, amat kurang liputan berkaitannya dibuat di peringkat nasional sementelah kejayaan individu atau perusahaan yang bercorak keusahawanan sosial juga masih lagi samar-samar untuk ditonjolkan (Hariyaty 2014; Wahid et al. 2018).

Hakikatnya, kemunculan lebih ramai usahawan sosial yang menjadi inovator dalam menyelesaikan masalah komuniti adalah amat perlu agar beban tersebut tidak hanya diletakkan di bahu kerajaan dan badan kebajikan masyarakat semata-mata. Bagi menzahirkan hasrat tersebut, pendidikan dilihat sebagai satu platform yang berupaya menukar harapan tersebut kepada realiti (Wahid et al. 2018). Namun, ia tidak semudah yang diungkap sekiranya kesedaran, perancangan, perlaksanaan, pemantauan dan penilaian keberkesanannya setiap aktiviti atau pendekatan keusahawanan sosial yang diusahakan oleh usahawan sosial dalam komuniti perlu ada dan dibuat dengan baik. Oleh kerana, masalah sosial adalah sangat kompleks dan ada ketikanya tidak mampu untuk ditangani secara keseluruhan, menyebabkan ada diantara masalah ini tidak diselesaikan, maka kehadiran lebih ramai usahawan sosial amat diperlukan (Norhasyikin et al. 2017). Oleh yang demikian, kertas kerja konsep ini adalah bertujuan untuk membincangkan konsep usahawan dan keusahawanan sosial serta peranan juga peluang keusahawanan sosial dalam pembangunan sosio-ekonomi komuniti di Malaysia.

### **Keusahawanan Dan Usahawan Sosial**

Mutakhir ini, antara cabang ilmu dan aliran baru yang berkembang dalam disiplin keusahawanan ialah keusahawanan sosial yang turut dikenali sebagai keusahawanan rakyat atau keusahawanan sivik. Keusahawanan sosial adalah satu pendekatan keusahawanan yang usianya masih di peringkat bayi dan berkembang seiring dengan pendidikan keusahawanan itu sendiri (Alvord et al., 2002; Shukla, 2006; Weerawardena dan Mort, 2006; Gatchalian,

2010) walaupun amalan berkaitannya dilaporkan telah wujud ratusan tahun dahulu (Bornstein 2007; Hariyaty 2011). Pendekatan dan nilai keusahawanan yang diketengahkan menerusi keusahawanan sosial ini amat besar ertiinya terhadap pertumbuhan modal insan yang dinamik, perubahan sosial dan juga ekonomi sesebuah negara (Alvord et al., 2002; Mair dan Marti, 2005; Bornstein, 2004, 2007; Bessant dan Tidd, 2007; Malecki, 2007; Nicholls dan Cho, 2008; Mohammad Reza et al., 2010).

Menurut Alvord et al. (2002), keusahawanan sosial ialah penggabungan perusahaan perniagaan dengan impak sosial. Para usahawan akan menggunakan kemahiran perniagaan dan pengetahuan mereka untuk mencipta perniagaan yang dapat menyempurnakan matlamat sosial sebagai tambahan kepada perdagangan yang berdaya maju. Organisasi bukan untung pula boleh mewujudkan subsidiari perniagaan dan menggunakannya untuk menjana guna tenaga atau hasil yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan sosial. Selain itu, organisasi yang berdasarkan keuntungan turut boleh berkecimpung dalam keusahawanan sosial dengan menderma sebahagian keuntungan atau menganjurkan aktiviti-aktiviti untuk mencapai matlamat sosial. Inisiatif seperti ini melibatkan penggunaan sumber-sumber yang dijana daripada aktiviti perniagaan yang berjaya untuk memajukan dan mengekalkan aktiviti sosial (Alvord et al., 2002; Verma 2009; Norasmah et al 2019).

Tan et al. (2005) pula merumuskan bahawa usahawan sosial ialah individu yang menepati lima syarat berikut iaitu; (i) menggabungjalin dan menggunakan kemahiran keusahawanan untuk menyelesaikan masalah masyarakat, (ii) melibatkan keseluruhan atau sebahagian masyarakat dalam proses, aktiviti atau projek tersebut, (iii) aktiviti, proses atau projek yang diusahakan mempunyai tempoh masa, (iv) impak daripada aktiviti, proses atau projek tersebut mestilah sebahagian atau keseluruhannya untuk masyarakat, (v) membuat inovasi dan mengambil risiko. Jelasnya, perkara yang membezakan usahawan sosial dengan usahawan komersial ialah matlamat dan operasi mereka. Keusahawanan sosial yang diceburi lebih bermotivasikan masyarakat dan operasi yang dilaksana juga adalah bertunjangkan masyarakat.

Dari perspektif Islam, keusahawanan telah terbukti sebagai satu aktiviti yang strategik sejak zaman Rasulullah SAW dan merupakan sumber utama bagi pembangunan sosio-ekonomi ummah. Islam sebagai satu cara hidup yang syumul, amat menggalakkan umatnya yang berkecimpung dalam keusahawanan agar memiliki ciri dan sifat terpuji dengan tidak semata-mata memikir akan keuntungan kewangan serta material untuk kepentingan peribadi. Konsep keusahawanan sosial yang lebih mengutamakan kebajikan dan kemaslahatan komuniti berbanding kepentingan peribadi telah terlebih dahulu telah dianjurkan oleh Islam serta boleh diteladani daripada himpunan sirah Rasulullah SAW dan para sahabat Baginda. Sehubungan itu, usahawan muslim masa kini terutamanya yang beragama Islam perlu menilai apakah sumbangan yang boleh mereka hulurkan kepada masyarakat dan tidak memasang niat semata-mata untuk meraih laba yang berlipat ganda. Matlamat utama harus difokuskan untuk mendapat keberkatan dan keredhaan dari Allah SWT (Rohami, 2013).

Usahawan muslim turut disaran agar mengamalkan konsep Ubudiyah iaitu nilai dan ihsan yang menjadi pegangan untuk mengelak salah laku dan sentiasa berbuat baik (Ab Mumin & Suhaili, 2009). Usahawan muslim juga dituntut untuk berkhidmat bagi memenuhi keperluan manusia dan ikhlas menjalankan tanggungjawab kepada masyarakat. Hal ini dijelaskan oleh sebuah hadis yang bermaksud:

“Diceritakan daripada Salim daripada bapanya bahawa Rasullullah bersabda:” Setiap muslim adalah saudara seorang muslim yang lain di mana dia tidak boleh menzaliminya dan tidak pula menyerahkan saudaranya tadi kepada musuhnya (kafir). Barangsiapa yang memenuhi hajat saudaranya, maka Allah akan melepaskannya daripada kesukaran di hari akhirat, dan barangsiapa yang memelihara keaiban saudaranya di dunia maka Allah akan memelihara keaibannya di akhirat.”

(Sunan al-Tarmizi, Kitab al-Hudud, Bab Ma jaa fi al-Sitr ‘ala al-Muslim, no. hadis 1346 dalam Ab Mumin Ab Ghani & Suhaili Sarif, p.7)

### **Peranan Dan Peluang Membangunkan Sosio-Ekonomi Komuniti Menerusi Keusahawanan Sosial**

Usahawan sosial memiliki ciri yang hampir sama seperti usahawan tradisional di mana mereka mahir membuat transformasi ke atas sesuatu perniagaan melalui kemahiran berniaga yang dimiliki. Kelebihannya, usahawan sosial bertindak sebagai agen perubahan kepada masyarakatnya (Mair dan Marti, 2005). Seseorang usahawan sosial akan mengambil apa juga peluang dan kesempatan yang terbuka, yang mana tidak disedari oleh orang lain, untuk memperbaiki sistem masyarakat, mengilhamkan pendekatan baru dan juga memikirkan cara penyelesaian baru untuk kesejahteraan masyarakat sekitarnya. Jika seorang usahawan perniagaan berjaya membuka satu perniagaan baru, seorang usahawan sosial akan memikirkan satu penyelesaian baru kepada sesuatu masalah sosial dan melaksanakannya bagi memperbaiki lagi keadaan masyarakat (McConachie dan Simpson, 2003; Mair dan Marti, 2005; Sarimah Hanim dan Abd. Rashid, 2008).

Antara peranan penting keusahawanan sosial terhadap masyarakat dan negara ialah keupayaannya menghapuskan fenomena kemiskinan dan kelaparan yang ekstrem (Alvord et al., 2002; Mair dan Marti, 2005; Bornstein, 2007; Mohammad Reza et al., 2010), memperjuangkan hak masyarakat untuk mendapatkan pendidikan asas secara universal (Alvord et al., 2002; Mair dan Marti, 2005; Bornstein, 2007), memperjuangkan kesaksamaan gender dan pada masa yang sama memperkasakan wanita (Mair dan Marti, 2005; Bornstein, 2007), mengurangkan angka kematian kanak-kanak melalui peningkatan sistem penjagaan, kesihatan, dan pendidikan (Mair dan Marti, 2005; Bornstein, 2007), meningkatkan penjagaan kesihatan para ibu (Mair dan Marti, 2005; Bornstein, 2007), memerangi HIV/AIDS (Mair dan Marti, 2005; Bornstein, 2007) serta malaria dan wabak penyakit lain (Mair dan Marti, 2005; Bornstein, 2007); dan meningkatkan kesedaran terhadap pemeliharaan alam sekitar (Mair dan Marti 2005; Verma 2009).

Sungguhpun keusahawanan sosial merupakan salah satu cabang dalam keusahawanan yang masih baru, namun potensi bidang ini untuk diceburi sebagai suatu kerjaya pilihan utama mahupun kedua, tidak boleh dikesampingkan. Kejayaan nama-nama besar seperti seperti Prof. Dr. Muhammad Yunus (Pengasas Grameen Bank di Bangladesh), Pamela Hawley (Pengasas UniversalGiving.com. di Amerika Syarikat), Tan Sri Syed Mokhtar Syah bin Syed Nor Al-Bukhary (Pengasas Yayasan Al-Bukhary di Malaysia) Prof. Dato' Sukor bin Kasim (Pengasas Amanah Ikhtiar Malaysia), Dr. Maria Montessori (Pengasas Montessori di Itali) dan Florence Nightingale (Jururawat Moden di U.K; rata-rata pernah didengar oleh umum. Nama individu seperti yang tertera di atas ialah usahawan sosial yang sering dikaitkan sebagai inovator sosial dalam masyarakat sungguhpun sumbangan mereka menerusi lensa keusahawanan sosial masih belum difahami dengan jelas oleh sesetengah pihak. Ramai juga yang masih belum mengetahui apakah yang telah disumbangkan oleh usahawan sosial

tersebut kepada masyarakat dan pendekatan yang menjadi tulang belakang kepada komitmen mereka dalam membantu mengubah landskap masyarakat.

Jika diimbau kembali sirah keusahawanan Islam yang semangnya mengamalkan pendekatan keusahawanan sosial ini, Rasulullah SAW sendiri adalah contoh usahawan sosial yang paling agung. Kejujuran dan keikhlasan baginda telah berupaya melipatgandakan keuntungan dengan objektif utama iaitu mendapatkan keredhaan Allah. Selain itu, antara tokoh-tokoh usahawan Islam yang tersohor dengan keusahawanan sosialnya ialah Sayyidatina Khadijah, Saydina Uthman bin Affan, Abdul Rahman ‘Auf, Abu Talhah dan Saa’d ibn Rabi’. Sayyidatina Khadijah merupakan usahawan wanita yang berjaya dalam perniagaan dan menyumbang utama kepada perjuangan Rasullullah demi menegakkan Islam. Begitu juga dengan Saydina Uthman bin Affan dan Abdul Rahman ‘Auf yang turut cemerlang dalam perniagaan. Di samping aktif dalam aktiviti perniagaan, mereka juga aktif memberi sumbangan material bagi menyokong perjuangan Islam ketika itu.

Bagi membantu perjuangan menegakkan syiar Islam, Saiyidina Uthman pernah menderma 300 tunggangan dengan muatan, sementara Abdul Ramhan ‘Auf pernah menderma 100 tunggangan dengan muatan (Ab Mumin & Suhaili, 2009). Semasa kemelesetan ekonomi pula, Saydina Uthman pernah menderma makanan sejumlah muatan 1000 ekor unta padahal ketika itu terdapat pedagang-pedagang lain yang sanggup membeli bekalan tersebut pada harga lima kali lebih tinggi (Ab Mumin & Suhaili, 2009). Ini membuktikan bahawa para usahawan zaman tersebut amat menitikberatkan kepentingan masyarakat, memelihara kebijakan dan kesejahteraan umum dalam setiap aktiviti yang dibuat sebagaimana yang dianjurkan oleh agama Islam itu sendiri. Sebagai usahawan sosial, bantuan yang dihulur kepada masyarakat tidak semestinya dalam bentuk kewangan semata-mata, malah ia boleh juga dalam bentuk bukan kewangan (Rohami, 2013). Justeru, semua usahawan di Malaysia perlu menyumbang tenaga, idea dan material bagi membangunkan taraf hidup dan sosial masyarakat di negara ini bersesuaian dengan konsep keusahawanan sosial yang diketengahkan.

Selain untuk komuniti, keusahawanan sosial juga mampu menyediakan peluang untuk peningkatan diri individu (Sarimah Hanim dan Abd. Rashid, 2008). Jika dilihat dari sudut pembinaan modal insan untuk keperluan negara, kualiti yang wujud dalam diri usahawan sosial perlu dibudayakan kepada pelajar. Ini adalah kerana usahawan sosial dilihat sebagai individu yang mempunyai penyelesaian inovatif kepada masalah sosial yang sedang dihadapi oleh masyarakat. Mereka juga merupakan individu yang merangsangkan kemajuan ekonomi dengan mencari cara baru atau cara yang lebih baik untuk melaksanakan sesuatu. Apa yang menarik berkaitan usahawan sosial ialah mereka merupakan pemimpin keusahawanan sosial yang terdiri daripada manusia biasa yang membuat perkara-perkara yang luar biasa (La Barred dan Fishman et al., 2001; Morse dan Dudley, 2002; Hariyaty et al. 2016).

Ke arah membantu merealisasikan hasrat negara untuk melahirkan modal insan kelas pertama dan seterusnya melahirkan lebih ramai usahawan sosial dalam komuniti, maka institusi pendidikan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh bergabung tenaga serta kepakaran untuk memupuk budaya keusahawanan sosial dalam kalangan komuniti. Ini adalah bertepatan dengan ‘nature’ IPT itu sendiri sebagai organisasi yang sistematik dan formal dari aspek kurikulum dan pentadbiran dengan menawarkan program akademik sebagai menyediakan pelajar yang mampu mengurus dan mengaplikasikan pengetahuan dalam tindakan (Collins et al., 2004) serta tenaga kerja profesional yang memiliki kemahiran, jati diri dan daya saing yang tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001; Rohaila, 2007) bagi tujuan membantu

negara mengatasi kemelut sosial dan ekonomi. Secara langsung, IPT juga berperanan menyumbang inovasi dalam ekonomi dan sosial untuk membangunkan modal insan berpengetahuan dan berpengalaman (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Manakala Jabatan Kebajikan Masyarakat pula boleh merancang kolaborasi strategik dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menghebahkan peluang keusahawanan sosial untuk diterokai oleh komuniti menerusi program-program anjuran mereka seperti program khidmat bantu di rumah (Home Help Service), Direktori Pertubuhan Sukarela (PSK), Pemberian Geran kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan, Program Organisasi Komuniti dan lain-lain.

Bagi menggalakkan ramai individu menceburi keusahawanan sosial sebagai pendekatan untuk membangunkan sosio- ekonomi komuniti setempat, teori Diffusi Inovasi yang diperkenalkan oleh Rogers pada tahun (1962) boleh dijadikan panduan dalam merangka strategi awal penceburan keusahawanan sosial. Antaranya ialah Teori Difusi Inovasi yang diperkenalkan oleh Everett M. Rogers pada tahun 1962 (Rogers 2003). Perubahan tingkah laku berdasarkan teori tersebut pernah diaplikasi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2013 dalam garis panduan memperkasa komuniti untuk lebih menghargai kesihatan dan mengamalkan gaya hidup yang sihat (Kementerian Kesihatan Malaysia 2013). Teori yang sama juga wajar diaplikasi untuk mengetengahkan konsep keusahawanan sosial yang sinonim dengan aktiviti berinspirasikan inovasi dalam komuniti. Namun, tahap perubahan tingkah laku dalam komuniti sama ada cenderung untuk berubah atau sebaliknya adalah tidak sama kerana ia bergantung kepada perbezaan individu dalam komuniti tersebut. Teori Diffusi Inovasi menyenaraikan lima kategori kumpulan penerima pembaharuan (inovasi) atau sebarang pendekatan baru yang cuba diketengahkan iaitu agen perubahan, penerima awal, majoriti awal, majoriti akhir dan *laggards*.

Bagi mengerakkan keusahawanan sosial dalam masyarakat, usahawan sosial sebagai agen perubahan adalah merupakan golongan pencetus idea keusahawanan sosial sekaligus individu paling awal yang memperkenalkan inovasi untuk membuat perubahan sosial yang memberi impak kepada pertumbuhan sosio-ekonomi komuniti. Mereka berani mengambil risiko dan melakukan inovasi dalam sesuatu tempoh masa untuk menjayakan projek sosial dan berorientasikan pasaran. Mereka akan memperkenalkan projek keusahawanan sosial tersebut kepada komuniti. Kumpulan penerima awal pula merupakan kumpulan komuniti awal yang akan menerima sebarang projek baru atau baharu yang dicetuskan oleh usahawan sosial. Usahawan sosial perlu merangka strategi yang baik untuk menarik golongan tersebut agar menerima pendekatan atau projek keusahawanan sosial yang diketegahkan. Panduan yang lengkap perlu dibekalkan kepada mereka mengenai peranan atau langkah-langkah yang perlu mereka lakukan. Kumpulan majoriti awal pula merupakan kumpulan yang akan menerima perubahan setelah inovasi sosial yang cuba diketengahkan oleh usahawan sosial didapati berjaya. Untuk tujuan tersebut, usahawan sosial perlu mengetengahkan contoh projek keusahawanan sosial yang telah berjaya atau agenda perubahan sosial yang telah berjaya dicapai menggunakan pendekatan keusahawanan sosial.

Sementara kumpulan majoriti akhir pula ialah kumpulan yang kebiasaannya ragu-ragu untuk berubah. Jika didapati ramai usahawan sosial telah berjaya dalam komunitinya, barulah beliau akan mencuba pendekatan tersebut untuk dirinya pula. Manakala kumpulan *laggards* merupakan kumpulan yang agak konservatif atau terkebelakang dalam membuat perubahan. Mereka cenderung untuk mengekalkan sesuatu keadaan yang sedia ada atau yang sudah menjadi kelaziman mereka. Mereka rela berada ditakuk lama daripada membuka ruang untuk merebut peluang keusahawanan sosial untuk membangunkan ekonomi diri juga komuniti. Oleh yang demikian, pelbagai strategi boleh dirancang untuk dilaksana oleh pelbagai pihak

ke arah mengetengahkan pendekatan keusahawanan soisal untuk mempertingkatkan sosio-ekonomi komuniti dengan mengambilkira perbezaan kumpulan individu dalam komuniti menurut teori tersebut.

Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya bidang keusahawanan secara umum juga boleh dijadikan panduan dalam usaha memupuk minat komuniti untuk berkecimpung dalam keusahawanan sosial (Norasmah et al. 2019). Antara faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan ialah faktor keuntungan dan pendapatan lumayan, kepuasan dan kecemerlangan dalam hidup, faktor persekitaran serta lain-lain (Astin 1999; Norfadhilah dan Halimah 2010; Heiko dan Lautenschläger 2011). Di luar sana, tidak mustahil terdapat sebilangan kecil individu yang sedang membuat sumbangan menerusi kerjaya mereka dan ia bukan sekadar kerjaya yang bertujuan ‘membantu’ namun ia lebih kepada keinginan untuk membuat perubahan dalam masyarakat. Sebagai contoh individu yang mahu membuat perubahan dalam masyarakat ialah; seorang akauntan yang bekerja untuk badan bukan berorientasi keuntungan seperti NGO, penyelidik bidang sains yang bekerja dalam persekitaran kanak-kanak untuk mengatasi masalah penyakit yang sering dialami kanak-kanak; pegawai pembuat dasar yang menyalurkan nasihat kepada kerajaan berkenaan isu-isu dasar sosial; jurutera perisian yang membina teknologi untuk mengurangkan kesan rumah hijau, pengurus projek yang bekerja untuk agensi pembangunan antarabangsa; penyelidik sosial yang bekerja untuk universiti; pengurus Teknologi Maklumat atau IT yang bekerja untuk badan kesihatan dan kebajikan, pengurus kanan dalam perkhidmatan kerajaan yang memantau salah laku dan jenayah siber serta pengurus yang bekerja untuk kebajikan misalnya, membantu golongan gelandangan.

Manakala sebahagian ahli komuniti yang lain mungkin ada yang berminat untuk membuat perubahan kepada masyarakat dengan membuat sumbangan dalam industri. Perkara yang sama boleh juga difikir dan dirancang oleh usahawan sosial. Mereka boleh secara langsung menubuhskan perusahaan yang bermotif menyelesaikan masalah sosio-ekonomi komuniti dengan mencipta peluang untuk ahli komuniti tersebut turut serta membangunkan sosio-ekonomi mereka dalam sesuatu tempoh masa yang ditetapkan. Misalnya, usaha yang telah dibuat oleh salah seorang pelakon di Malaysia iaitu Saudara Fizo Omar dengan melibatkan golongan ibu tunggal dan belia dalam projek perniagaan kiosk burger yang beliau miliki adalah salah satu pendekatan keusahawanan sosial yang antara lain tujuannya ialah untuk membantu menjana pendapatan untuk golongan dalam komuniti. Golongan dalam komuniti perlu sama-sama dilibatkan dalam usaha membantu mengurangkan masalah sosio-ekonomi komuniti tersebut. Di sini kemahiran keusahawanan perlu diaplifikasi oleh usahawan sosial dalam merangka dan melaksana aktiviti atau projek keusahawanan yang diusahakan serta keberanian mendepani risiko perlu ada dalam diri usahawan terbabit. Keusahawanan sosial juga merupakan salah satu cabang kerjaya keusahawanan yang begitu menarik dan mencabar untuk diceburi.

Namun, aspirasi kerjaya keusahawanan sosial perlu dibezakan dengan kerjaya sebagai pekerja sosial supaya tidak wujud pertindanan dalam kefahaman umum berkaitan kedua-dua kerjaya tersebut. Kerjaya sebagai usahawan sosial mahupun kerjaya sebagai pekerja sosial kedua-duanya didapati bertujuan menyelesaikan masalah dalam masyarakat, namun pendekatan yang digunakan adalah berbeza. Seorang pekerja sosial ialah individu yang terlibat dalam pekerjaan berbentuk penglibatan profesional dengan penggunaan kepakaran yang lebih penting berbanding altruism. Majoriti pekerja sosial terlibat dengan kerja kebajikan sosial berbentuk pemulihan serta pengendalian aktiviti berkaitan membantu manusia mencapai tahap kefungsian sosial yang efektif (Samir & Winny 2009). Berbeza

dengan kerjaya usahawan sosial yang sudah pasti menggabungkan kemahiran keusahawanan yang dimiliki untuk menyelesaikan masalah sosial melalui inovasi dan pengambilan risiko dalam satu tempoh masa (Tan et al. 2005; Hariyaty et al. 2012).

Bagi merealisasikan peningkatan sosio-ekonomi komuniti menerusi keusahawanan sosial, disiplin keusahawanan sosial itu sendiri perlu diperkenalkan menerusi platform pendidikan. Pendidikan adalah salah satu faktor utama bagi melahirkan masyarakat yang berkualiti untuk membangunkan negara (Mohamed Khaled 2009). Menurut Palmisano (2001), pendidikan merujuk kepada institusi sosial yang bertanggungjawab menyampaikan ilmu dan pengetahuan kepada masyarakat selain menjadi saluran utama untuk membawa transformasi kepada masyarakat. Pelajar yang bergiat cergas dalam aktiviti keusahawanan di IPT mutakhir ini bukan sahaja mahu memenuhi permintaan pasaran kerja dengan menawarkan kemahiran mereka di pasaran dan membuat keuntungan semata-mata, malah ada dalam kalangan mereka yang mahu membuat perubahan. Oleh yang demikian apakah langkah yang boleh dilakukan oleh pihak yang berkepentingan untuk mengajar pelajar membentuk perusahaan sosial yang berdaya tahan dan menguntungkan? Apakah bentuk kelas, kursus atau program serta pengalaman yang perlu ditawar dan disampaikan? Sekiranya graduan mahu berkecimpung dalam perusahaan sosial selepas tamat pengajian, apakah wujud insentif atau galakan daripada pihak yang berwajib untuk mereka merealisasikan perkara tersebut?

Ironinya, pelajar tidak perlu menunggu sehingga usia mereka mencecah 40 atau 50an untuk memulakan perniagaan atau perusahaan sosial meskipun ada pepatah Barat yang menyatakan bahawa kehidupan bermula pada usia 40 tahun. Pelajar yang merupakan sebahagian daripada ahli dalam komuniti perlu didorong untuk segera memulakan projek keusahawanan sosial dari dalam bilik kuliah keusahawanan yang pertama sehingga mereka keluar dari kampus sebagai guna tenaga. Mereka perlu mula membuat pilihan kerjaya yang bermakna dari awal pengajian. Malahan, sebahagian pakar keusahawanan ada menyatakan bahawa usia bukanlah pengukur kejayaan penceburan keusahawanan. Pelajar mungkin akan mula menceburi keusahawanan sosial sebaik mempelajari kemahiran berkaitan keusahawanan sosial tersebut dan dapat mengenal pasti peluang yang baik untuk memulakan perusahaan sosial mereka. Oleh yang demikian, pelajar yang berminat dengan kerjaya keusahawanan sosial perlu dikenal pasti dan mereka harus diberi dorongan dan sokongan untuk terus mencipta kerjaya dalam bidang tersebut. Di sini, kolaborasi antara tenaga akademik, pihak pengurusan fakulti dan enterpris sosial adalah penting bagi memanfaatkan minat pelajar terhadap keusahawanan sosial. Galakan berterusan pelru disalur kepada pelajar terbabit agar minat terhadap kerjaya keusahawanan sosial tidak luntur dan dapat dizahirkan kepada kerjaya yang lestari.

Apabila pelajar dan fakulti yang menawarkan program berkaitan keusahawanan sosial semakin komited kepada aktiviti juga program keusahawanan sosial mereka, secara langsung dan tidak langsung topik berkaitan keusahawanan sosial boleh dan diyakini dapat dinTEGRASIKAN merentasi kurikulum. Keusahawanan sosial boleh diajar secara umum kepada semua pelajar baik di sekolah rendah, menengah atau IPT menerusi kurikulum yang sistematik, tepat dan kerja kursus atau praktikum yang melibatkan kemahiran keusahawanan untuk kemaslahatan komuniti. Topik dan kes-kes berkaitan keusahawanan sosial boleh disepadukan dalam aliran utama kurikulum. Selain itu, topik berkaitan keusahawanan sosial boleh mula diperkenal dan diajar merentasi kampus misalnya, di kampus-kampus kejuruteraan, kewartawanan, kejururawatan, reka fesyen dan sebagainya bagi menggalakkan kemunculan lebih ramai usahawan sosial dari pelbagai bidang. Keusahawanan sosial perlu diperkenal dan diajar merentasi disiplin juga bidang supaya pelajar boleh memanfaatkan pengetahuan serta kemahiran berkaitan dengannya untuk mula bekerja sendiri dengan jiwa

dan pemikiran usahawan sosial. Keusahawanan sosial bukanlah bidang perniagaan sosial semata-mata malah ia merupakan pemikiran yang meliputi set kemahiran yang boleh diaplikasi kepada sebarang disiplin ilmu. Fakulti perniagaan dan keusahawanan mungkin boleh memikirkan kaedah juga mekanisme jalinan kerjasama dengan fakulti bukan perniagaan bagi membina idea-idea awal berkaitan bagaimana untuk mengintegrasikan serta mengajar keusahawanan sosial merentasi disiplin.

Kebanyakan program keusahawanan yang melibatkan komuniti cenderung mendedahkan kejayaan eksekutif dan pemilik perniagaan. Seiring dengan itu, program-program anjuran komuniti yang berfokus kepada keusahawanan amnya dan keusahawanan sosial khususnya perlu turut membawa konsep tersebut dengan kaedah yang lebih istimewa iaitu melibatkan usahawan sosial yang autentik. Kaedah terbaik untuk melibatkan komuniti dengan keusahawanan sosial ialah dengan membawa masuk usahawan sosial sebenar yang berjaya masuk ke dalam kelompok komuniti untuk berkongsi pengalaman kejayaan keusahawanan mereka. Komuniti perlu diberi peluang bertemu dan berkenalan dengan usahawan sosial tempatan secara bersemuka. Model peranan atau ‘role model’ sebenar ini mampu menyuntik semangat keusahawanan sosial dalam diri ahli komuniti dengan berkongsi cerita suka dan duka serta pencapaian mereka dalam bidang keusahawanan sosial yang diceburi. Selain itu, wakil komuniti yang berminat untuk menceburi keusahawanan sosial juga boleh diberi peluang untuk bertemu dengan usahawan sosial tempatan menerusi projek lawatan ke syarikat yang diterajui oleh usahawan berjaya tersebut dan mempelajari apa yang membuatkan usahawan tersebut berjaya serta apakah yang telah disumbangkannya kepada masyarakat.

### **Kesimpulan**

Bersesuaian dengan matlamat negara yang sedang giat berusaha mengubah keadaan masyarakat daripada masyarakat yang bergantung kepada kerajaan kepada masyarakat usahawan yang berdikari dan berdaya maju, maka pihak kerajaan perlu menyalur lebih galakan dan aktif menyaran agar komuniti mampu mewujudkan peluang pekerjaan sendiri. Sementara itu, ahli komuniti pula tidak perlu lagi mengharap kepada bantuan orang lain untuk menyara ekonomi diri dan keluarga. Pertambahan bilangan usahawan yang berkecimpung dalam bidang keusahawanan umumnya dan keusahawanan sosial khususnya dapat membuka serta menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada komuniti di Malaysia. Sedikit demi sedikit, budaya makan gaji akan dapat dikurang dan dihakis dalam masyarakat serta memungkinkan kewujudan usahawan sosial dalam kalangan graduan yang berkualiti di pasaran kerja serta komuniti.

Maka, dalam usaha memberi kesedaran, membentuk pengetahuan dan memutikkan kecenderungan terhadap kerjaya keusahawanan sosial dalam kalangan komuniti di negara ini, faktor pendorong dan penarik kepada kerjaya keusahawanan tersebut perlu dikenal pasti serta dipertingkatkan. Pelajar sebagai aset komuniti yang bakal mewarnai dunia pekerjaan atau guna tenaga negara suatu masa nanti perlu diberikan pendedahan terhadap aspirasi kerjaya keusahawanan sosial yang mencukupi dan sewajarnya agar mereka boleh memilih bidang tersebut selepas tamat pengajian serta tidak hanya mengharap kepada makan gaji semata-mata. Aspirasi kerjaya keusahawanan sosial adalah tidak mustahil dapat dibentuk menerusi pendidikan, dengan menyediakan kurikulum dan ko-kurikulum yang bersesuaian serta kaedah penyampaian (pengajaran dan pembelajaran) yang berkesan. Diharapkan agar pencerahan berkaitan peranan dan peluang keusahawanan sosial dalam meningkatkan sosio-ekonomi komuniti ini berupaya membuka ruang untuk diskusi yang lebih mendalam berkaitan bidang ini sekaligus memupuk kecenderungan lebih ramai ahli komuniti di negara ini untuk

menjadikannya sebagai aktiviti untuk melonjakkan lagi tahap sosio-ekonomi komuniti dan negara.

### Rujukan

- Ab Aziz Yusof. (2003). *Keusahawanan*. Selangor: Prentice Hall.
- Ab Aziz Yusof. (2009). *Pembangunan Modal Insan – Teras Pendidikan Negara*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ab Mumin Ab Ghani & Suhaili Sarif (2009). Keusahawanan Islam: Pembudayaan Di Kalangan Masyarakat Islam. Dalam Nor ‘Azzah Kamri, Mohd Abdul Wahab Fatoni Mohd Balwi & Ahamf Sufyan Che Abdullah (Eds.) *Keusahawanan Islam, Konsep dan Isu-isu Pelaksanaannya* (ms: 1-18). UM, KL: Jabatan Syariah dan Pengurusan.
- Ainon Mohd. (2005). *Panduan Menggunakan Teori Motivasi di Tempat Kerja*. Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Alvord, S. H., Brown, D. L. & Letts C. W. (2002). Social Entrepreneurship and Social Transformation: An Exploratory Study. Kertas Kerja The Hauser Center for Nonprofit Organizations and The Kennedy School of Government Harvard University. November 2002.
- Arenius, P. & Minniti, M. (2005). Perceptual variables and nascent entrepreneurship. *Small Business Economics*, 24: 233-247.
- Astin, A.W. (1999). Student involvement: a developmental theory for higher education. *Journal of College Student Development* 1(1): 518-529.
- Bessant, J. & Tidd, J. (2007). *Innovation and Entrepreneurship*. England: John Wiley and Sons.
- Blanchflower, D.G. (2000). Self-employment in OECD countries. *Labour Economics* 7: 471-505.
- Blanchflower, D.G., Oswald, A. J. & Stutzer. A. (2001). Latent entrepreneurship across nations. *European Economic Review* 45: 680-691.
- Bornstein, D. (2004). *How to Change the World: Social Entrepreneurs and The Power of New Ideas*. USA: Oxford University Press.
- Bornstein, D. (2007). *How to Change the World: Social Entrepreneurs and The Power of New Ideas*. Ulang cetak. USA: Oxford University Press.
- Bornstein, D. & Davis, S. (2010). *Social Entrepreneurship: What Everyone Needs to Know*. USA: Oxford University Press.
- Brown, P., Lauder, H. and Ashton, D. (2010). *The Global Auction: The Broken Promises of Education, Jobs, and Incomes*. New York: Oxford University Press.
- Christie, F. (2008). *Career pathways for graduates into the voluntary/community sector*. Manchester: HECSU.
- Collins, L., Hannon P.D. & Smith, A. (2004). Enacting entrepreneurial intent: the gap between students needs and higher education capabilities. *Education + Training* 46(8/9): 454-463.
- Fatimah Salwa Abd Hadi. (2013). Kejayaan Perniagaan Khadijah Bint Khuwaylid: Analisis Terhadap Usahwan Wanita Kredit Mikro di Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Tesis Dr. Fal. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Gatchalian, M.L. (2010). An in-depth analysis of the entrepreneurship education in the Philippines: an initiative towards the development of a framework for a professional teaching competency program for entrepreneurship educators. *The International Journal of Research and Review* 5: 51-73.
- Haase, H. & Lautenschläger, A. (2011). A Career Choice Motivations of University Students. *International Journal of Business Administration* 2(1): 1 – 13.

- Hariyat Ab Wahid. (2014). Keusahawanan Sosial, Daya Tahan dan Daya Saing Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia. Tesis Dr. Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hariyat Ab Wahid, Norasmah Othman & Haliza Hussein. (2012). Keusahawanan sosial dan hubungannya dengan daya tahan terhadap tekanan dalam kalangan pelajar program Student in Free Enterprise (SIFE). Dlm. Khoo Yin Yin et al. (pnyt). *Korpus*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Hariyat Ab Wahid, Norasmah Othman & Mazura Mansor. (2011). Meningkatkan daya tahan modal insan: pendekatan keusahawanan sosial. Kertas Kerja *International Management Conference 2011*. Anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu, 16-17 April.
- Higgins, H. (2011). *Real Prospects 2011: Employers*. Manchester: Graduate Prospects.
- Higgins, H. and Redman, J. (2011). *Real Prospects 2011: Universities*. Manchester: Graduate Prospects.
- Hunt, I., Hennessy, M., O'Brien, E. and Sherry, R. (2007). The graduate and the SME, *Education, Knowledge & Economy*, 1:2, 199-210.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2017). Pelan Strategik JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT 2016 - 2020. Putrajaya: Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2013). Garis Panduan Langkah Memperkasa Komuniti Selangor: Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Pembangunan Pendidikan 2001-2010 Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan*. Selangor: KPM.
- LaBarred, P.C. & Fishman. (2001). *Who's Fast Leaders 2002*. USA: Fast Company November.
- Mair, J. & Marti, I. (2005). Social entrepreneurship research: a source of explanation, prediction and delight. Kertas Kerja. Anjuran IISE Business School-University of Navarra, Spain. Mac 2004.
- Malecki, E.J. (2007). Geographical environment for entrepreneurship. *IECER 2007, Montpellier*. Ohio State University.
- McConachie, J. & Simpson, J. Social entrepreneurship: an Australian university transform a regional community through diversity and innovation. *QSER Home*. 19.
- McArthur, J. (2011). Reconsidering the social and economic purposes of higher education, *Higher Education Research and Development*, 30:6, 737-749.
- Mohamad M.H., Radzali M.A. & Azhar, F. (2008). Aspirasi kerjaya di kalangan pelajar kolej komuniti. *Prosiding Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober 2008.
- Mohd. Izham Mohd Hamzah, Juriah Long, Khalid Abdullah, Zaini Mahbar, Hamidah Yamat, Zarin Ismail, Jamalul Lail Abdul Wahab, Nor Foniza Maidin, Rosima Alias. (2011). Analisis Keperluan Majikan Terhadap Kemahiran Generik bagi Pembangunan Modal Insan. Dlm. Zamri Mahmood, Jamalul Lail Abdul Wahab & Mohamed Sani Ibrahim (pnyt). *Transformasi dan Inovasi dalam Penyelidikan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd. Fadzilah Kamsah. (2005). Perubahan bersepadu menjana mahasiswa cemerlang. Dlm. Abdul Razaq Ahmad (pnyt). *Mahasiswa Abad 21*, hlm. 47-62. UKM Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Reza Noruzi, Westover, J.H., & Gholam Reza Rahimi. (2010). An exploration of social entrepreneurship in the entrepreneurship era. *Asian Social Science* 6(6): 3-10.
- Morse, R. S. & Dudley. L. (2002). Civic entrepreneurs and collaborative leadership. *PA Times* (August): 3.

- Nicholls, A. & Cho, A.H. (2008). Social entrepreneurship: the structuration of a field. Dlm. Nicholls, A (pnyt). 2008. *Social Entrepreneurship: New Models of Sustainable Social Change*. New York: Oxford University Press.
- Niemiec, C. P., Ryan, R. M., and Deci, E. L. (2009). ‘The path taken: Consequences of attaining intrinsic and extrinsic aspirations in post-college life’ in *Journal of Research in Personality*, 43, 291 – 306.
- Norasmah Haji Othman, Hariyat Ab Wahid & Armanurah Mohamad. (2019). *Pendidikan Keusahawanan di Institut Pengajian Tinggi*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norasmah Othman, Norashidah Hashim & Hariyat Ab Wahid. (2012). Readiness towards entrepreneurship education: students and Malaysia universities. *Education + Training* 54(8/9): 697-708.
- Norfadhilah Nasrudin & Halimah Harun. (2010). Aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35 (1): 11-17.
- Norhasyikin binti Rozali, Shuhairimi Abdullah, Zaihana binti Manshor, & Balqis binti Yaacob@Salleh. (2017). Penerokaan bidang keusahawanan sosial dalam konteks pengiktirafan peluang dalam kalangan usahawan sosial orang kurang upaya (OKU). *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* 1(1):21–28.
- Rogers, E.M. (2003). *Diffusion & Innovations*. 5<sup>th</sup> Edition. New York: Free-Press.
- Rohaila Yusof. (2007). Keberkesanan strategi pembelajaran pengalaman berdasarkan model KOLB terhadap pembangunan kompetensi pelajar perakaunan di IPTA. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohami Shafie. (2013). *Meramaikan usahawan sosial*. Utusan Melayu. (Atas talian) [http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20131115/re\\_03/Meramaikan-usahawan-sosial#ixzz2sEMvXX00](http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20131115/re_03/Meramaikan-usahawan-sosial#ixzz2sEMvXX00) (15 November 2013).
- Samir Muhazzab Amin & Winny Abdul. (2009). *Pengantar Kerja Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Sarimah Hanim Aman Shah & Abd. Rashid Mohd Ali. (2008). *Entrepreneurship*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Siti Khadijah Che Mat & Roslan Abdul Hakim. (2011). Jangka Masa Keluar daripada Kepompong Kemiskinan dan Ketermiskinan: Kajian Kes di Kedah Darul Aman, Malaysia. *International Journal of Management Studies* 18(2): 217-236.
- Stevenson, J. and Clegg, S. (2011). Possible selves: students orientating themselves towards the future through extracurricular activity, *British Educational Research Journal*, 37:2, 231-246.
- Shukla, M. (2006). Intro to Social Entrepreneurship. <http://ssrn.com/abstract=983206> [6 Januari 2011].
- Tan, W- L., William, J. & Tan, T-M. (2005). Defining the ‘social’ in ‘social entrepreneurship’: altruism and entrepreneurship. *International Entrepreneurship and Management Journal* (1): 353-365.
- Tomlinson, M. (2008). The degree is not enough: students’ perceptions of the role of higher education credentials for graduate work and employability, *British Journal of Sociology of Education*, 29:1, 49-61.
- Verma, A. (2009). *Social Entrepreneurship Management- A New Look at the People and the Potential*. New Delhi: Global India Publications Pvt Ltd.
- Wahid, H. A., Mustaffa, W. S. W., Rahman, R. A., & Hudin, N. S. (2018). Measurement Model of Sociality, Innovation and Market Orientation Using Confirmatory Factor Analysis in Social Entrepreneurship Context. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(11), 76–96.

Weerawardena, J. & Mort, G.S. (2006). Investigating social entrepreneurship: a multidimensional model. *Journal of World Business* 41: 21-35.